



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Jabatan Laut Malaysia **menafikan** bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah memberi kebenaran kepada pengusaha feri Langkawi untuk mengenakan bayaran tambahan (*surcharge*) bagi penjarakan sosial ke atas penumpang dari Terminal Penumpang Kuah, Langkawi ke semua destinasi dan sebaliknya. Jabatan Laut Malaysia **menjelaskan** hanya Lembaga Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri sahaja dengan kelulusan YB Menteri MOT yang boleh menetapkan kadar harga untuk membawa penumpang atau kargo oleh mana-mana kapal yang terlibat dalam perkapalan dalam negeri.
2. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) **menafikan** dakwaan pihaknya bekerjasama dengan MY E.G. Services Berhad (MyEG) untuk mengatur pelaksanaan Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO di premis majikan. PERKESO **menjelaskan** pendaftaran program saringan tersebut hanya boleh dibuat melalui portal PSP PERKESO di pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my> manakala syarat dan prosedur saringan dipaparkan di pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my> , Laman Sesawang PERKESO di www.perkeso.gov.my dan media sosial rasmi PERKESO.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
19 Mei 2020 | 10.00 Pagi**

